

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 10/3/2008

Saya sudah biasa bekerja kuat – Khalid Ibrahim

^{UM - 10/3/2008}
KUALA LUMPUR 9 Mac – Bakal Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim yakin beliau mampu memberi perkhidmatan yang baik di Parlimen Bandar Tun Razak walaupun pada masa sama, mengetuai sebuah kerajaan negeri.

Pengerusi Parti Keadilan Rakyat (PKR) Selangor itu berkata, ini kerana beliau sudah biasa bekerja kuat sewaktu bertugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Guthrie Berhad.

“Cabaran ini besar tetapi saya pernah menjadi CEO Guthrie yang mempunyai 125 anak syarikat dan mempunyai pelaburan di serata dunia.

“Bekerja kuat bukan satu perkara baru bagi saya, cuma kali ini saya perlu bekerja

dengan lebih bijak,” katanya kepada pemberita pada majlis meraikan kemenangan PKR bersama penduduk Flat Seri Labuan di sini hari ini.

Pada Pilihan Raya Umum Ke-12 semalam, gabungan parti pembangkang terdiri daripada PKR, DAP dan Pas berjaya memenangi 36 kerusi DUN di Selangor yang melayakkan mereka membentuk kerajaan negeri.

Ditanya mengenai gambaran corak pemerintahan kerajaan baru itu, Khalid berkata, tugas utama ialah menguruskan kekayaan Selangor dengan bersih, cekap dan amanah.

Katanya, turut diberi perhatian ialah memastikan semua rakyat mendapat perkhidmatan yang efektif.

“Tugas utama pentadbir negeri Selangor ialah bagaimana kekayaan negeri diurus dengan bersih, cekap dan amanah,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Khalid turut menyatakan kegembiraan untuk bekerja bersama-sama kakitangan awam negeri Selangor.

Katanya, ini kerana kakitangan awam di negeri itu sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang efektif kepada masyarakat.

“Saya difahamkan mereka sedang berge-rak ke arah perkhidmatan yang efektif, saya gembira untuk bekerjasama dengan mereka dan akan melihat bagaimana untuk memberi nilai tambah kepada usaha itu,” katanya.